

**9 – 19 MEI 2023 | TL10/23 : KURSUS KHAS TANAH BAGI ANGGOTA PENTADBIRAN
TANAH: PENOLONG PEGAWAI TANAH**

Sejumlah 26 orang peserta yang terdiri daripada Penolong Pegawai Tanah Persekutuan dan Negeri (Gred 29 - 40) telah menghadiri Kursus Khas Tanah Bagi Anggota Pentadbiran Tanah: Penolong Pegawai Tanah di INSTUN yang berlangsung selama 9 hari.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan aspek pentadbiran dan perundangan tanah di Malaysia. Kandungan kursus yang menyeluruh merangkumi perihal berkaitan Kanun Tanah Negara, Pelupusan Tanah, Pembangunan Tanah, Bentuk-Bentuk Hakmilik, Kategori, Syarat dan Sekatan Kepentingan serta pelbagai lagi topik berkaitan.



